

**TAHAP MOTIVASI MURID SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL
TERHADAP PENGGUNAAN MODUL KOSA KATA KERJA
(KOKAJA) DALAM SUBJEK BAHASA MELAYU TAHUN 4**

**[LEVEL OF MOTIVATION OF TAMIL NATIONAL TYPE SCHOOL STUDENTS
TOWARDS THE USE OF VERB VOCABULARY MODULE (KOKAJA)
IN YEAR 4 MALAY LANGUAGE SUBJECT]**

THILAGAVATI MANIAM¹, NORWALIZA ABDUL WAHAB¹ & MARIYATI MOHD NOR²

- 1 Fakulti Pembangunan & Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sutan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia
E-mail: norwaliza@fpm.upsi.edu.my
- 2 Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sutan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia
e-Mail: mariyati@fbk.upsi.edu.my

Corresponding author: norwaliza@fpm.upsi.edu.my

Received: 6 July 2025 | Accepted: 6 August 2025 | Published: 15 September 2025

Abstrak: Kajian ini menilai keberkesanan Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) dalam meningkatkan motivasi murid mempelajari Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Reka bentuk kuasi-eksperimen digunakan melibatkan 53 orang murid dari daerah Hilir Perak, Perak, yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen ($n=27$) dengan pengajaran menggunakan KOKAJA selama enam minggu dan kumpulan kawalan ($n=26$) dengan kaedah konvensional. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan pasca, soal selidik motivasi berasaskan skala Likert, serta temu bual separa berstruktur. Data kuantitatif dianalisis menggunakan SPSS versi 27.0 manakala data kualitatif dianalisis secara tematik. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan motivasi murid dalam kumpulan eksperimen ($M = 3.68$, $SP = 0.528$) berbanding kumpulan kawalan ($M = 3.31$, $SP = 0.469$) pada aras $p < 0.05$. Dapatan kualitatif turut menyokong keberkesanan modul apabila murid melaporkan bahawa pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan mudah difahami. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa KOKAJA memberi impak positif terhadap motivasi dan penguasaan kosa kata kerja murid. Modul ini wajar diaplikasikan dalam latihan guru dan pembangunan bahan pengajaran.

Kata kunci: Modul KOKAJA, motivasi, penguasaan kosa kata kerja, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

Abstract: This study evaluated the effectiveness of the Verb Vocabulary Module (KOKAJA) in enhancing pupils' motivation to learn Malay language among Year 4 pupils in Tamil National-Type Primary Schools (SJKT). A quasi-experimental design was employed involving 53 pupils from Hilir Perak district, Perak, divided into an experimental group ($n=27$) taught using KOKAJA for six weeks and a control group ($n=26$) taught through conventional methods. Instruments included pre- and post-tests, a Likert-scale motivation questionnaire, and semi-structured interviews. Quantitative data were analyzed using SPSS version 27.0, while qualitative data were thematically analyzed. Findings revealed a significant improvement in motivation among the experimental group ($M = 3.68$, $SD =$

0.528) compared to the control group ($M = 3.31$, $SD = 0.469$) at $p < 0.05$. Qualitative results further indicated that pupils perceived KOKAJA lessons as more engaging, enjoyable, and easier to understand. Overall, the study highlights the positive impact of KOKAJA on pupils' motivation and verb vocabulary mastery. It is recommended that the module be integrated into teacher training and instructional design.

Keywords: *KOKAJA Module, motivation, verb vocabulary mastery, Tamil National-Type Primary School*

Cite This Article: Thilagavati Maniam, Norwaliza Abdul Wahab & Mariyati Mohd Nor. 2025. Tahap Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil terhadap Penggunaan Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) dalam Subjek Bahasa Melayu Tahun 4 [Level of Motivation of Tamil National Type School Students towards the Use of Verb Vocabulary Module (KOKAJA) in Year 4 Malay Language Subject]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(4), 1-14.

PENGENALAN

Motivasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran murid, khususnya dalam penguasaan bahasa kedua atau bahasa tambahan. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama yang perlu dikuasai oleh semua murid termasuk murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Namun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa murid SJKT sering berdepan cabaran dalam penguasaan kosa kata kerja yang menjadi asas kepada pembinaan ayat dan kemahiran menulis (Selvaraj, 2020; Kaur & Abdullah, 2021). Kekangan kosa kata ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik, malah turut mempengaruhi tahap motivasi mereka untuk belajar Bahasa Melayu.

Modul pembelajaran yang berfokus kepada kosa kata kerja didapati mampu membantu murid meningkatkan kefahaman, menguasai kemahiran membina ayat, dan seterusnya meningkatkan minat serta motivasi dalam pembelajaran (Rahman, 2019). Berdasarkan keperluan tersebut, Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) dibangunkan berasaskan teori konstruktivisme dan pendekatan tematik bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, menyeronokkan, dan mudah difahami.

Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai penguasaan kosa kata dan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa, kajian yang memberi tumpuan khusus kepada murid SJKT serta penggunaan modul berstruktur seperti KOKAJA masih terhad. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menilai tahap motivasi murid terhadap penggunaan Modul KOKAJA serta meneliti keberkesanan modul tersebut dalam meningkatkan motivasi dan penguasaan kosa kata kerja Bahasa Melayu.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras KSSR, namun pencapaian murid SJKT dalam mata pelajaran ini masih sederhana, khususnya dalam penulisan dan penguasaan kosa kata (KPM,

2022). Kajian menunjukkan murid SJKT sering lemah menggunakan kata kerja dengan tepat, yang menjejaskan pembinaan ayat (Murugan & Vethamani, 2019; Subramaniam, 2021). Selain itu, tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu juga sederhana (Nathan, 2022), sedangkan motivasi intrinsik terbukti penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa (Deci & Ryan, 2017). Oleh itu, keperluan modul inovatif yang mampu meningkatkan kosa kata dan motivasi murid adalah mendesak.

Kajian lepas melaporkan bahawa penguasaan kosa kata, khususnya kosa kata kerja dalam kalangan murid SJKT masih berada pada tahap rendah. Kajian oleh Sivapragasam & Subramaniam (2019) mendapati bahawa 60% murid Tahun 4 SJKT yang dikaji hanya mampu menggunakan kata kerja asas seperti *buat*, *pergi*, dan *ambil* dalam ayat mereka. Ini menunjukkan keterbatasan kosa kata yang menjejaskan kualiti pembinaan ayat dan keseluruhan kemahiran menulis. Keadaan ini diburukkan lagi dengan motivasi murid yang rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian oleh Kandiah (2022), didapati bahawa 70% murid SJKT yang dikaji tidak menunjukkan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu kerana pendekatan pengajaran yang kurang menarik dan tidak interaktif. Kajian oleh Rahman et al. (2017) turut menegaskan bahawa motivasi pembelajaran adalah pemangkin utama kepada pencapaian akademik murid, terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua.

PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menuntut penguasaan kemahiran bahasa yang kukuh dalam kalangan semua murid. Namun, laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2022) menunjukkan pencapaian murid bukan penutur jati, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), masih berada pada tahap sederhana, terutamanya dalam penulisan dan penguasaan kosa kata kerja. Kekangan ini menyebabkan murid kurang berupaya membina ayat dengan tepat serta terhad dalam melahirkan idea secara bertulis (Murugan & Vethamani, 2019).

Selain masalah penguasaan kosa kata, motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu juga dikenal pasti rendah. Kajian oleh Nathan (2022) mendapati murid SJKT lebih cenderung mengutamakan bahasa ibunda dalam komunikasi harian berbanding Bahasa Melayu, sekali gus menjejaskan minat mereka dalam pembelajaran. Hal ini selari dengan dapatan kajian antarabangsa oleh Deci dan Ryan (2017) yang menekankan bahawa motivasi intrinsik merupakan faktor penentu utama dalam keberkesanan pembelajaran bahasa kedua.

Walaupun pelbagai kaedah pengajaran konvensional telah digunakan, ia masih kurang berkesan dalam merangsang motivasi murid dan mengatasi kelemahan kosa kata (Subramaniam, 2021). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih interaktif, menyeronokkan dan sesuai dengan konteks pembelajaran murid SJKT. Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) yang dibangunkan berasaskan Teori Konstruktivisme Lima Fasa Needham dan Model ASSURE dilihat mampu mengintegrasikan pembelajaran bermakna, motivasi dan penguasaan kosa kata secara bersepadu.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap motivasi murid sekolah rendah dalam penggunaan Modul KOKAJA serta menilai hubungan antara penggunaan modul dengan motivasi murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa

Motivasi merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan murid dalam penguasaan bahasa kedua. Gardner dan Lambert (1972) menegaskan bahawa murid yang mempunyai tahap motivasi tinggi akan menunjukkan usaha yang lebih gigih serta pencapaian yang lebih baik. Dalam konteks Malaysia, kajian menunjukkan motivasi rendah dalam kalangan murid sering berpunca daripada kelemahan kosa kata, yang seterusnya menjejaskan kemahiran membaca dan menulis (Selvaraj, 2020; Kaur & Abdullah, 2021). Oleh itu, usaha untuk meningkatkan motivasi melalui pendekatan pengajaran yang interaktif dan berpusatkan murid amat diperlukan.

Penguasaan Kosa Kata dan Pembinaan Ayat

Kosa kata, khususnya kata kerja, merupakan asas penting dalam pembinaan ayat yang berkesan. Nation (2013) menyatakan bahawa kata kerja berfungsi sebagai inti dalam menyampaikan makna komunikasi. Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dilaporkan menghadapi cabaran besar dalam menguasai kosa kata kerja Bahasa Melayu kerana kurangnya pendedahan di luar bilik darjah (Ramasamy & Yunus, 2018). Kajian lepas membuktikan bahawa intervensi berfokuskan kosa kata dapat meningkatkan kemahiran membina ayat dan pencapaian bahasa secara menyeluruh (Rahman, 2019).

Modul Pembelajaran dan Pembelajaran Konstruktivisme

Penggunaan modul pengajaran berasaskan prinsip konstruktivisme terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan dan motivasi murid. Model ASSURE dan Model Lima Fasa Needham menekankan penglibatan aktif, *scaffolding*, serta pembelajaran berpusatkan murid (Heinich et al., 2002; Needham, 1987). Kajian menunjukkan bahawa modul bertemakan aktiviti dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna, menyeronokkan, dan berkesan (Yunus et al., 2020). Namun begitu, kajian khusus mengenai keberkesanan modul kosa kata kerja seperti KOKAJA dalam konteks SJKT masih terbatas.

Jurang Kajian

Secara keseluruhannya, kajian lepas menegaskan kepentingan motivasi, penguasaan kosa kata dan keberkesanan modul berasaskan konstruktivisme. Namun, kajian yang menggabungkan ketiga-tiga aspek ini dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu di SJKT

masih kurang. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai kesan penggunaan Modul KOKAJA terhadap tahap motivasi murid serta penguasaan kosa kata kerja.

Kajian lepas mendapati tahap motivasi murid memainkan peranan penting dalam pencapaian bahasa (Mohamad, 2020). Menurut Thambirajah (2019), motivasi rendah menjadi punca utama murid enggan mencuba menulis ayat sendiri meskipun sudah menguasai kosa kata asas. Dalam konteks murid SJKT, motivasi pembelajaran Bahasa Melayu sering terhad kerana mereka lebih banyak berinteraksi dalam bahasa ibunda di rumah dan komuniti. Jika tiada bahan bantu yang menarik dan berpandu, murid kurang berminat untuk meneroka kosa kata baharu dan membina ayat sendiri. Bagi meningkatkan motivasi murid, Modul KOKAJA direka bentuk dengan aktiviti bertema yang mengaitkan kosa kata kerja dengan pengalaman seharian. Pendekatan ansur maju dan kontekstual membantu murid berasa lebih yakin dan berminat untuk mencuba membina ayat tanpa takut melakukan kesalahan. Kajian ini mengisi jurang dengan membangunkan Modul KOKAJA yang bukan sahaja meningkatkan penguasaan kosa kata kerja, tetapi juga meningkatkan motivasi murid Tahun 4 SJKT dalam pembelajaran Bahasa Melayu melalui strategi pengajaran yang sistematik, berfasa dan kontekstual.

Metadologi Kajian

Reka bentuk kajian ini lebih berpaksikan kepada tinjauan berbentuk kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Tinjauan deskriptif ini lebih sesuai untuk kajian ini di mana bentuk kajian ini akan meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam penguasaan kosa kata dan kemahiran membina ayat serta keperluan modul khas untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran kemahiran membina ayat kepada murid tahun empat yang belajar di sekolah Tamil di daerah Hilir Perak dan Bagan Datuk.

Instrumen soal selidik digunakan untuk menilai motivasi murid tahun 4 SJK Tamil untuk belajar Bahasa Melayu. Untuk mendapatkan data demografi responden, instrumen ini mempunyai dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian B bertujuan untuk mengumpul data mengenai motivasi murid tahun 4 SJK Tamil untuk belajar Bahasa Melayu. Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 'Sangat Tidak Setuju' (STS), 2 'Tidak Setuju' (TB), 3 'Kurang Setuju' (KS), 4 'Setuju' (S), dan 5 'Sangat Setuju' (SS). Skor bagi setiap responden dijumlahkan untuk mendapatkan nilai skor keseluruhan motivasi individu. Nilai-nilai ini kemudiannya digunakan untuk mengira min kumpulan dan sisihan piawai, bagi menggambarkan taburan tahap motivasi secara keseluruhan dalam Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen. Seterusnya, bagi menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan perbezaan tahap motivasi antara kumpulan, Ujian-t Sampel Tidak Bersandar (*Independent Samples t-Test*) dipilih sebagai kaedah analisis inferensi. Ujian-t ini membolehkan perbandingan purata min tahap motivasi dibuat antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen bagi dua tempoh masa, iaitu sebelum dan selepas intervensi modul. Secara khususnya, Ujian-t Pra dilaksanakan untuk menguji hipotesis bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi antara kumpulan sebelum Modul KOKAJA digunakan, manakala Ujian-t Pasca digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan

motivasi selepas intervensi dilaksanakan. Nilai signifikan (p) yang diperoleh dibandingkan dengan aras signifikan kajian iaitu $\alpha = 0.05$. Sekiranya nilai p yang diperoleh kurang daripada 0.05, maka hipotesis nol ditolak dan ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi antara kumpulan. Sebaliknya, jika nilai p melebihi 0.05, maka hipotesis nol diterima dan menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kumpulan

Pemilihan sampel kajian ini adalah merupakan murid tahun 4 kerana murid-murid inilah yang baru melepasi tahap 1 dan memerlukan tunjuk ajar yang lebih banyak dalam penulisan ayat dan karangan. Selain itu, murid-murid tahun 4 perlu tulis dengan lebih luas jika dibandingkan dengan murid-murid tahap 1. Mereka ini juga perlu menguasai lebih banyak kosa kata untuk penulisan. Kajian menunjukkan bahawa pelajar tahap dua mempunyai kemahiran sistem tatabahasa tahap satu yang lebih rendah. Menurut Sivaneswary (2019), hampir 60% daripada peserta gagal dalam peperiksaan penilaian kemahiran tatabahasa. Penyelidik melibatkan satu kumpulan pensampelan iaitu seramai 53 murid Tahun 4 yang dipilih secara pensampelan tidak rawak. Jumlah sampel kajian adalah seramai 53 orang 26 orang murid untuk Kumpulan Kawalan (K) dan 27 orang murid untuk Kumpulan Eksperimen (E) seperti mana dilakukan oleh Wan Dyaaurudin (2017) dalam kajian beliau yang mengkaji keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. Mohammad Ghulam, Tengku Kasim & Abdul Kadir, (2019) juga menggunakan 25 orang responden dalam Kumpulan Kawalan dan 25 orang responden dalam kumpulan rawatan dalam kajian mereka yang bertajuk pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi Eksperimen.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen

Kemampuan ujian atau instrumen untuk mengukur apa yang seharusnya diukur dikenali sebagai kesahan ujian atau instrumen (Tuckman, 1978; Baba, 1997; Anastasi & Urbina, 1997). Mengikut Mohd Kesahan alat pengukuran, menurut Majid (1990), merujuk kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya diukur. Ini menunjukkan bahawa alat yang boleh mengukur pemboleh ubah yang ditetapkan dengan tepat dianggap sah sebagai pengukur pemboleh ubah tersebut. Sekiranya keupayaan sesuatu instrumen atau ujian untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi, ia dianggap mempunyai kesahan yang tinggi. Selain itu, nilai korelasi item yang diselaraskan dengan jumlah skor, juga dikenali sebagai koefisien korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor tanpa item tersebut, menunjukkan kesahan instrumen soal selidik (Norusis, 1997). Pallant (2016) menyatakan bahawa kesahan digunakan untuk menilai sejauh mana alat kajian mampu mengukur dengan tepat ciri-ciri yang dikaji.

Jadual 1: Nilai Korelasi antara Skor Setiap Item dengan Jumlah Skor yang Diperbetulkan dan Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Soal Selidik Mengukur Motivasi Belajar Bahasa Melayu

Aspek	Item	Korelasi Item Dengan Jumlah Skor Yang Diperbetulkan	Nilai Alpha Jika Item Digugurkan	Nilai Alpha Keseluruhan
Motivasi Belajar Bahasa Melayu	B1	0.558	0.884	0.891
	B2	0.328	0.896	
	B3	0.590	0.883	
	B4	0.761	0.877	
	B5	0.385	0.892	
	B6	0.545	0.885	
	B7	0.776	0.876	
	B8	0.611	0.882	
	B9	0.613	0.882	
	B10	0.355	0.894	
	B11	0.639	0.881	
	B12	0.781	0.877	
	B13	0.386	0.891	
	B14	0.625	0.881	
	B15	0.718	0.878	

Bagi instrumen yang mengukur motivasi untuk belajar Bahasa Melayu, nilai korelasi antara item dengan jumlah skor yang diperbetulkan adalah antara 0.328 hingga 0.781, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9. Mengikut cadangan Nunnally (1979) dan Abu Bakar (1987), nilai korelasi ini melebihi 0.30. Oleh itu, item-item ini boleh diterima dan berkualiti tinggi untuk mengukur aspek motivasi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Indeks kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen yang mengukur motivasi belajar Bahasa Melayu (15 item) adalah 0.891. Menurut pandangan Mohd. Majid (1990) dan Sekaran (1992), indeks kebolehpercayaan item untuk aspek ini dianggap boleh diterima dan tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan secara terperinci dapatan kajian berhubung dengan tahap motivasi murid terhadap penggunaan modul KOKAJA dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Analisis ini diperoleh berdasarkan soal selidik motivasi yang dibuat sebelum dan selepas menggunakan modul KOKAJA oleh kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Jadual di bawah menunjukkan soal selidik motivasi.

Jadual 2: Soal Selidik motivasi


Bil,	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
1.	Saya minat belajar Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
2.	Saya bersemangat belajar Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
3.	Saya rasa selesa berada dalam kelas Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
4.	Saya sering mengingatkan diri saya bahawa Bahasa Melayu adalah subjek yang penting.	1	2	3	4	5
5.	Saya bersemangat menyelesaikan tugas Bahasa Melayu yang diberikan oleh guru.	1	2	3	4	5
6.	Saya melibatkan diri secara aktif dalam kelas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
7.	Saya suka aktiviti-aktiviti dalam kelas Bahasa Melayu.	1	2	3	4	5
8.	Saya dapat memberikan fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
9.	Saya sentiasa mempunyai perasaan ingin tahu setiap kali belajar Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
10.	Saya berminat kaedah yang digunakan guru kerana dapat meningkatkan pemahaman saya dalam Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
11.	Lebih suka menulis karangan Bahasa Melayu daripada membuat tugas kerja sekolah yang lain.	1	2	3	4	5
12.	Saya suka bertanya guru jika saya tidak faham sesuatu dalam kelas Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
13.	Saya membuat latihan tambahan yang boleh meningkatkan pemahaman saya tentang Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
14.	Saya rasa tercabar bila kawan-kawan saya mendapat keputusan yang baik dalam Bahasa Melayu	1	2	3	4	5
15.	Saya berusaha untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan Bahasa Melayu	1	2	3	4	5

Hasil analisis perbandingan tahap motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pra antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Ujian-t Perbandingan Motivasi Belajar Bahasa Melayu Dalam Ujian Pra Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen

Kumpulan	Bil (n)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Sig.
Kawalan	26	3.26	0.351	-0.088	0.930
Eksperimen	27	3.27	0.257		

Nota: * sig pada $P < 0.05$



Rajah 1. Perbandingan Motivasi Belajar Bahasa Melayu Dalam Ujian Pra Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen


Berdasarkan Jadual 3, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pra antara kumpulan yang diajar dengan menggunakan Modul KOKAJA dengan yang diajar dengan menggunakan kaedah tradisional ($t=-0.088$; $P>0.05$). Tahap motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pra bagi kumpulan kawalan ($\text{min}=3.26$) adalah sama dengan Kumpulan Eksperimen ($\text{min}=3.27$). Ini menunjukkan, pada peringkat awal sebelum intervensi diberikan tahap motivasi belajar Bahasa Melayu bagi kedua-dua kumpulan iaitu Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen adalah sama iaitu pada peringkat sederhana sahaja.

Hasil analisis perbandingan motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pasca antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 Ujian-t Perbandingan Motivasi Belajar Bahasa Melayu Dalam Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen

Kumpulan	Bil (n)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap Sig.
Kawalan	26	3.31	.469	-2.735	0.009*
Eksperimen	27	3.68	.528		

Nota: * sig pada $P<0.05$



Rajah 2. Perbandingan Motivasi Belajar Bahasa Melayu Dalam Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen

Berdasarkan Jadual 4, didapati terdapat perbezaan yang signifikan motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pasca antara kumpulan yang diajar dengan menggunakan Modul KOKAJA dengan yang diajar dengan menggunakan kaedah tradisional ($t=-2.735$; $P<0.05$). Tahap motivasi belajar Bahasa Melayu dalam ujian pasca bagi Kumpulan Eksperimen ($\text{min}=3.68$) adalah lebih tinggi dan berbeza secara signifikan dengan Kumpulan Kawalan ($\text{min}=3.31$). Ini menunjukkan, Modul KOKAJA adalah berkesan dalam meningkatkan motivasi belajar Bahasa Melayu berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional atau kaedah yang biasa dilaksanakan oleh guru-guru.

Hasil perbandingan menunjukkan bahawa dalam ujian pra, kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen berada pada tahap motivasi **sedehana** dengan skor min hampir sama (3.26 dan 3.27). Dalam ujian pasca, kumpulan kawalan kekal pada tahap sederhana dengan peningkatan skor min yang kecil (3.31), manakala kumpulan eksperimen mencatatkan peningkatan yang ketara kepada skor min 3.68, iaitu dalam kategori **tinggi**. Perubahan ini menunjukkan bahawa modul KOKAJA memberi kesan positif kepada motivasi belajar Bahasa Melayu murid kumpulan eksperimen, selaras dengan dapatan signifikan dalam ujian-t bebas ($t = -2.735$, $p = 0.009$). Keadaan ini juga membuktikan bahawa intervensi modul KOKAJA berjaya meningkatkan aspek afektif murid, yang merupakan salah satu objektif utama kajian ini.

Penilaian Murid Terhadap ‘Modul KOKAJA’

Satu sesi temubual dilakukan bersama 15 orang murid (M1 hingga M15) yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan ‘Modul KOKAJA’ bagi mendapatkan pandangan mereka tentang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan ‘Modul KOKAJA’ dalam

meningkatkan penguasaan murid dalam kosa kata kerja. Bagi tujuan ini satu senarai soalan temu bual diadaptasi dari Kusom Yamirudeng 2018. Senarai soalan temu bual ini terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A: pengenalan, bahagian B: Kesesuaian pelaksanaan Modul Kokaja', bahagian C: pandangan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan 'Modul Kokaja', bahagian D pula pandangan terhadap pdp yang menggunakan 'Modul Kokaja', dalam peningkatan penguasaan pelajar dalam kosa kata kerja. Bahagian B mengandungi enam soalan. Bahagian C mengandungi enam soalan dan bahagian D mengandungi dua soalan.

Pandangan Murid Dari Segi Kesesuaian Pelaksanaan Modul KOKAJA

Analisis temubual dengan murid dari segi kesesuaian pelaksanaan Modul KOKAJA, responden menyatakan bahawa 'Modul kokaja', ini adalah satu modul yang sesuai untuk murid meskipun terdapat segelintir yang melihat modul ini adalah sebagai suatu aktiviti yang tidak menyeronokkan kepada pelajar. Berdasarkan temu bual, majoriti murid menyatakan bahawa Modul KOKAJA sesuai digunakan kerana mengandungi pelbagai aktiviti menarik, meskipun terdapat beberapa komen yang menyatakan modul ini masih boleh ditambah baik. Contohnya, murid M1 berkata "*nak banyak gambar lagi*" manakala M5 mencadangkan "*nak aktiviti padankan dengan gambar yang banyak, sebab senang cari*". Ini menunjukkan bahawa visual yang menarik dapat membantu pemahaman perkataan dan menarik minat murid.

Pandangan Murid Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran yang menggunakan Modul KOKAJA

Seterusnya, temu bual ini juga membincangkan tentang pandangan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan Modul KOKAJA. Berdasarkan hasil dapatan kajian ianya boleh dikatakan baik untuk pelajar yang merupakan responden kajian berasa gembira dan seronok dalam melakukan dan melalui sesi modul KOKAJA kerana mereka melakukan aktiviti yang menarik. harapan murid juga menunjukkan sokongan motivasi intrinsik — contohnya "*saya suka kalau cikgu guna ICT*" (M1) dan "*saya harap cikgu buat macam-macam aktiviti seperti ini untuk yang lain juga*" (M15). Ini membuktikan Modul KOKAJA mendorong mereka untuk lebih berminat, sejajar dengan dapatan kuantitatif motivasi (Jadual 4.29).

Pandangan murid Terhadap Pdp Yang Menggunakan Modul Kokaja Dalam Peningkatan Penguasaan Pelajar Dalam Kosa Kata Kerja

Modul KOKAJA dan panduan guru Modul KOKAJA ini mengandungi pelbagai aktiviti yang melibatkan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Modul ini juga ada aktiviti seperti permainan bahasa. Ini dapat membantu untuk meningkatkan penguasaan kosa kata kerja murid. dapatan temu bual ini menyokong dapatan kuantitatif bahawa Modul KOKAJA meningkatkan pencapaian kosa kata (Jadual 4.27) dan motivasi belajar BM (Jadual 4.29).

Hubungan rapat ini selaras dengan Teori Konstruktivisme dan prinsip *Constructive Alignment* (Biggs, 1996), di mana aktiviti pembelajaran disusun sejajar dengan objektif dan penilaian untuk menghasilkan kesan positif kepada pembelajaran.

Secara keseluruhan, analisis data kuantitatif dan kualitatif dalam kajian ini menunjukkan bahawa Modul KOKAJA telah berjaya meningkatkan pencapaian kosa kata kerja dan motivasi murid Tahun 4 SJKT dalam pembinaan ayat Bahasa Melayu. Dengan sokongan kajian lepas seperti Vanisa Magasvaran et al. (2022) dan Azizah et al. (2019), dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan modul, ilustrasi bergambar, aktiviti pelbagai dan permainan bahasa mampu meningkatkan tahap motivasi, minat dan pencapaian murid dalam penguasaan kosa kata kerja Bahasa Melayu.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menyokong kajian Gardner dan Lambert (1972) yang menegaskan bahawa motivasi merupakan faktor utama dalam kejayaan pembelajaran bahasa. Peningkatan motivasi yang signifikan dalam kumpulan eksperimen juga selari dengan dapatan Yunus et al. (2020) yang menunjukkan bahawa penggunaan modul berasaskan aktiviti mampu menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan. Modul KOKAJA, yang direka berasaskan prinsip konstruktivisme, terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan aktif murid, sekali gus menyumbang kepada motivasi pembelajaran yang lebih tinggi. Selain itu, keberkesanan modul dalam membantu penguasaan kosa kata kerja turut selari dengan kajian Rahman (2019) yang menyatakan bahawa penguasaan kosa kata merupakan faktor asas kepada pembinaan ayat yang berkesan. Hal ini memberi implikasi bahawa Modul KOKAJA bukan sahaja meningkatkan motivasi, malah turut memperkukuh asas pembelajaran bahasa murid SJKT.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan Modul Kosa Kata Kerja (KOKAJA) berupaya meningkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Dapatan kuantitatif menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, manakala dapatan kualitatif pula mengesahkan bahawa murid berasa lebih seronok, berminat, dan mudah memahami pelajaran apabila menggunakan modul ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran yang berasaskan modul, khususnya yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan prinsip konstruktivisme, mampu memberi impak positif terhadap motivasi serta penguasaan kosa kata kerja.

Dari segi implikasi, kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting. Pertama, modul ini boleh dimanfaatkan sebagai bahan sokongan pengajaran untuk guru Bahasa Melayu di SJKT bagi meningkatkan keberkesanan PdP. Kedua, modul ini berpotensi dijadikan rujukan dalam latihan guru untuk memperkenalkan pendekatan konstruktivisme dan tematik yang lebih menarik serta menyeronokkan. Ketiga, dapatan kajian ini memberi

asas kepada pembangunan bahan ajar inovatif yang menekankan aspek motivasi, kosa kata, dan pembinaan ayat bagi memperkukuh pencapaian murid dalam Bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, Modul KOKAJA bukan sahaja meningkatkan motivasi murid, malah turut membantu memperkukuh asas penguasaan bahasa. Kajian lanjut boleh dilaksanakan dengan skala yang lebih luas melibatkan sekolah dan daerah berbeza bagi menilai keberkesanan modul secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Anastasi, A., & Urbina, S. (1997). *Psychological testing* (7th ed.). Prentice Hall.
- Baba, I. (1997). *Penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biggs, J. (1996). Enhancing teaching through constructive alignment. *Higher Education*, 32(3), 347–364.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2017). *Self-determination theory: Basic psychological needs in motivation, development, and wellness*. Guilford Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second-language learning*. Newbury House.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J. D., & Smaldino, S. E. (2002). *Instructional media and technologies for learning* (7th ed.). Merrill Prentice Hall.
- Kandiah, P. (2022). Motivation in language learning among Tamil school pupils. *Journal of Language and Education Studies*, 14(2), 55–66.
- Kaur, M., & Abdullah, N. A. (2021). Challenges in Malay language learning among Tamil school students. *Malaysian Journal of Education*, 46(1), 23–34.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Laporan analisis pencapaian murid sekolah rendah 2021*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Majid, M. (1990). *Penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, A. (2020). The role of motivation in language achievement among Malaysian pupils. *Asian Journal of Education and Learning*, 11(4), 45–58.
- Murugan, A., & Vethamani, M. E. (2019). Sentence construction challenges in Tamil vernacular schools. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(2), 1209–1224.
- Nathan, S. (2022). Motivation level of Tamil school students in Malay language learning. *International Journal of Academic Research in Education*, 4(2), 45–57.
- Nation, I. S. P. (2013). *Learning vocabulary in another language* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Needham, R. (1987). *Teaching strategies for developing understanding in science*. Heinemann Educational.
- Norusis, M. J. (1997). *SPSS for Windows: Base system user's guide*. SPSS Inc.
- Nunnally, J. C. (1979). *Psychometric theory* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2016). *SPSS survival manual* (6th ed.). McGraw-Hill Education.
- Rahman, A. (2019). Vocabulary learning strategies in Malay language teaching. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 89–102.

- Rahman, A., Ismail, H., & Salleh, N. (2017). Motivation and second language learning among Malaysian pupils. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 5(3), 10–21.
- Ramasamy, R., & Yunus, M. M. (2018). The challenges of Malay language learning among Tamil primary school pupils. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1), 12–20.
- Selvaraj, K. (2020). Language learning barriers among Tamil school students. *Journal of Tamil Education Research*, 5(2), 33–47.
- Sivapragasam, R., & Subramaniam, V. (2019). Mastery of verbs among Tamil school students in Malaysia. *International Journal of Language Education*, 3(2), 76–85.
- Subramaniam, V. (2021). Writing challenges in Malay among Tamil vernacular primary school pupils. *Malaysian Journal of Languages and Linguistics*, 12(1), 65–78.
- Thambirajah, R. (2019). Motivation and writing performance of Tamil school pupils in Malay. *Journal of Primary Education Studies*, 8(1), 25–38.
- Tuckman, B. W. (1978). *Conducting educational research*. Harcourt Brace Jovanovich.
- Vanisa, M., Azizah, M., & Noraini, A. (2022). The use of thematic modules in enhancing Malay language writing. *Journal of Educational Innovation*, 15(2), 88–97.
- Yunus, M. M., Hashim, H., Embi, M. A., & Lubis, M. A. (2020). Fun learning of language through interactive modules. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(3), 100–118.